

06/05/2002

Rangkaian pelobi Yahudi pengaruhi dasar Amerika

Manja Ismail

PENDEDAHAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengenai pengaruh pelobi masyarakat Yahudi dalam mencorakkan dasar luar Washington berhubung isu Asia Barat, diakui semua pihak, termasuk di kalangan rakyat Amerika Syarikat (AS) sendiri.

Betapa golongan minoriti yang hanya berjumlah kira-kira 5.8 juta orang (penduduk Islam AS kini dipercayai sudah menyamai jumlah itu kalau pun tidak mengatasinya) dapat menentukan dasar satu-satunya kuasa besar dunia sekarang, seharusnya membuka mata umat Islam mengenai pentingnya perpaduan dan pendidikan.

Pendirian Washington mengenai krisis terbaru Asia Barat membuktikan betapa berkesannya lobi masyarakat Yahudi AS.

Malah, ketika Rumah Putih dilihat agak bersimpati dengan Palestin dua minggu lalu, lebih 10,000 masyarakat Yahudi menunjuk perasaan di depan Capitol Hill yang turut dihadiri beberapa ahli Kongres, termasuk Senator Hillary Clinton.

Mereka bukan saja membantah sikap pentadbiran Presiden George W Bush yang dilihat cuba bertegas dengan Ariel Sharon ketika itu, malah mengejek Naib Presiden, Dick Cheney, yang hadir bagi pihak Rumah Putih ketika cuba menjelaskan usaha damai Washington untuk menyelesaikan krisis itu.

Bagaimanapun, langkah menganjurkan tunjuk perasaan seumpama itu bukan kaedah utama masyarakat Yahudi AS untuk mempengaruhi kerajaan.

Senjata utama mereka ialah melobi Kongres, sama ada supaya menyokong sebarang isu yang mereka mempunyai kepentingan atau membantah perkara tidak menguntungkan mereka.

Salah satu kumpulan pelobi masyarakat Yahudi yang paling berpengaruh di Washington ialah Religious Action Center of Reform Judaism atau lebih dikenali sebagai RAC.

RAC ditubuhkan oleh pemimpin Gerakan Pembaharuan Yahudi AS pada 1961 sebagai pergerakan hak asasi manusia. Misi utamanya ialah menyuarakan secara berkesan pandangan rakyat Yahudi AS pada peringkat masyarakat setempat sehinggalah ke Kongres, Mahkamah Agung dan Rumah Putih.

Dalam satu perbincangan agama sebagai satu kumpulan berkepentingan politik di Washington minggu lalu, RAC dan sebuah lagi pertubuhan, National Association of Evangelicals (NAE) menjadi panel.

Sementara NAE diwakili pemimpin kanannya (Naib Presiden Bagi Hal-Ehwal Kerajaan, Richard Cyzik), RAC hanya diwakili Penyelaras Programnya, Rachael Glast, gadis berusia awal 20-an.

Mulanya kami (rombongan 10 orang dari Asean) menyangka RAC enggan berdepan dengan kemungkinan ditanya pelbagai soalan sensitif mengenai peranan pelobi Yahudi dalam krisis Asia Barat. Ternyata anggapan itu meleset.

Apabila tiba gilirannya untuk menjelaskan peranan RAC, Glast dengan tenang menceritakan bagaimana pertubuhan itu melobi dalam pelbagai isu yang diperjuangkannya.

Ditanya pendirian RAC mengenai isu Palestin-Israel sekarang, Glast menjelaskan sejak mula lagi pertubuhan itu memperjuangkan penubuhan dua negara yang masing-masing saling mengiktiraf.

Sebagaimana RAC mengutuk serangan berani mati, pertubuhan itu juga, katanya, percaya pembunuhan orang awam Palestin oleh tentera Israel tidak seharusnya berlaku.

Sama ada kita boleh percaya atau bersetuju dengan pandangan itu adalah

soal lain. Apa yang ingin ditegaskan di sini ialah bagaimana pergerakan Yahudi melatih generasi mudanya supaya berani berbincang secara rasional untuk mempertahankan pendirian mereka.

Malah, bagi membuktikan sikap liberal RAC, Glast menegaskan pertubuhan itu adalah penyokong Demokrat. Ini berbeza dengan NAE yang menjadi penyokong tradisi Republikan.

Cyzik ketika ditanya pendirian pertubuhannya mengenai isu Asia Barat, secara teragak-agak menjelaskan NAE dari dulu lagi menyokong setiap tindakan Israel.

RAC, yang menjadi cabang sosial Union of American Hebrew Congregations (UAHC) dan Central Conference of American Rabbis, mewakili 1.5 juta Yahudi berfahaman sederhana (Reform Jews) dan 1,700 rabbi yang berfahaman serupa dari 875 jemaah di seluruh AS dan Kanada.

Glast menjelaskan, antara kejayaan besar lobi RAC dalam sejarah penubuhannya ialah kelulusan Akta Hak Sivil 1964 dan Akta Mengundi 1965; pengekalan dasar pemisahan gereja-kerajaan; penghapusan dasar aparteid di Afrika Selatan; menyelamatkan penduduk Yahudi Soviet dan Habsyah; serta mempertahankan hak wanita untuk membuat pilihan.

"Lobi RAC kini merangkumi lebih 60 isu membabitkan keadilan sosial. Bagaimanapun, tumpuan dan tenaga kini ditumpukan kepada keadilan ekonomi, kebebasan beragama dan pemisahan gereja-kerajaan, kebebasan yang produktif, Israel, alam sekitar, hak-hak sivil, hak gay dan lesbian serta hak asasi antarabangsa," katanya.

Ditanya bagaimana RAC berjaya mempengaruhi Kongres dan Rumah Putih, beliau menjelaskan pertubuhan itu melakukan penyelidikan mendalam terhadap setiap isu yang diperjuangkan sebelum membawanya ke Capitol Hill.

Selain itu, RAC menempatkan pegawainya di semua agensi kerajaan yang strategik.

Dr John Green, Pengarah Bliss Institute of Applied Politics, Universiti Akron, Ohio, dalam satu perbincangan berasingan, mengakui walaupun masyarakat Yahudi di AS hanya minoriti, mereka memainkan peranan ketara dalam politik negara ini.

Menurutnya, selain aktif dalam politik, faktor utama masyarakat Yahudi begitu berpengaruh di AS ialah kebanyakan mereka berpendidikan tinggi dan masyarakat itu bersatu walaupun turut terbahagi kepada beberapa puak seperti konservatif dan reformis.

"Masyarakat Yahudi secara tradisi memainkan peranan positif dalam parti Demokrat dan kerana itu mereka amat berpengaruh dalam Kongress. Apabila Republican kini menyokong kuat Israel, sebahagian mereka mula menyokong parti itu.

"Walaupun parti mana yang mereka sokong, masyarakat Yahudi memainkan peranan yang amat ketara. Malah, masyarakat Yahudi di sini memberi bantuan kewangan yang banyak kepada Israel," katanya.

Beliau tidak bersetuju apabila diajukan bahawa Yahudi juga berpengaruh kerana mereka menguasai media.

Apa yang berlaku, katanya, ialah masyarakat itu secara strategik meletakkan orangnya dalam semua bidang penting untuk menanam pengaruh dan pandangan mereka.

Dr Green berkata, faktor Yahudi mengutamakan pendidikan dan perpaduan tidak sukar difahami.

Sebahagian besar mereka berhijrah ke AS selepas pembunuhan berjuta-juta masyarakatnya di Jerman dan Russia dalam Perang Dunia Pertama dan Kedua.

"Semua yang datang ke sini berkongsi pengalaman serupa. Ini berbeza dengan masyarakat Islam yang mula hadir secara ketara di negara ini selepas kelonggaran dasar Imigresen AS pada 1965.

"Selain tidak berkongsi pengalaman, mereka datang dari pelbagai negara dan latar belakang. Bagaimanapun sejak kebelakangan ini, banyak aktiviti

dilakukan oleh umat Islam Amerika.

"Mereka mula menyuarakan hak mereka sebagai rakyat negara ini. Ramai pemimpin politik Yahudi agak bimbang kalau-kalau pengaruh kumpulan ini menyebabkan Palestin diberi layanan serupa dengan Israel," katanya.

Timbalan Dekan School of Theology, Universiti Boston, John Berthrong, berkata pengaruh umat Islam tidak ketara kerana mereka hanya menjadi pemerhati dalam politik negara ini.

"Di AS, anda mesti bersuara jika ingin diberi perhatian. Saya mahu melihat lebih ramai pemimpin Islam tampil di kaca televisyen bagi menjelaskan mengenai agama, budaya dan masyarakat mereka.

"Kerana tidak ramai yang tampil berbuat demikian, media terpaksa mendapatkan pandangan pakar bukan Islam, terutama selepas 11 September. Malah, saya beberapa kali dipanggil untuk bercakap mengenai Islam," katanya.

Bagaimanapun, fenomena itu mula berubah sekarang.

Berdasarkan tinjauan di beberapa negeri yang kami lawati, penduduk Islam mula berani tampil menonjolkan diri.

Baik di Washington, Boston, Akron, Houston atau Salt Lake City, bukan setakat menyertai jawatankuasa antara agama, malah mereka turut aktif dalam kerja-kerja sosial membantu golongan miskin tanpa mengira agama.

Kelebihan umat Islam yang sudah menjadi warga negara Amerika ialah kebanyakan mereka dari kalangan profesional. Kekurangannya pula ialah mereka tidak memainkan peranan ketara dalam politik sebagaimana penduduk Yahudi.

Presiden Pusat Kebudayaan dan Kemasyarakatan Arab-Amerika Houston, Texas, Jamal Marzouki, berkata punca utama umat Islam di AS kurang bersatu ialah mereka berasal dari pelbagai negara, yang kebanyakannya tidak mempunyai budaya politik seperti di negara ini.

Selain itu, generasi awal umat Islam di sini lebih mengutamakan kegiatan ekonomi bagi membina hidup baru di negara asing. Selepas beberapa dekad di negara ini, baru mereka memahami budaya politik AS.

"Keadaan akan berubah. Kini umat Islam sudah sedar. Jika anda mahu suara anda didengar, anda harus bercakap dengan lantang. Jika tidak berbuat demikian, tiada siapa yang memberi perhatian," katanya.

Beliau yakin generasi kedua dan ketiga umat Islam di AS bukan saja lebih berani bersuara, malah tidak lagi menghadapi masalah untuk menyertai budaya politik AS.

Berbanding generasi awal yang lebih tertumpu kepada bidang perniagaan serta profesion seperti kejuruteraan, komputer perubatan dan akademik, ramai generasi baru Islam kini dilatih dalam sains politik dan komunikasi.

"Kami sedang mengalami proses evolusi. Orang Islam nanti akan berada di semua bidang strategik.

"Bagaimanapun, untuk menyamai pengaruh masyarakat Yahudi dalam sistem politik di negara ini akan mengambil masa. Kita sedang berusaha ke arah itu," katanya.

(END)